

13) PEMILIKAN RUMAH SELANGORKU DAN IDAMAN DALAM KALANGAN WANITA

Adun : Y.B. Puan Mariam Binti Abdul Rashid (N42 Meru)

Kategori : Bertulis

Sesi : 3 (2024)

Sub soalan :

- a) Berapakah bilangan penerima manfaat Rumah Selangorku dan Rumah Idaman bagi tahun 2024 mengikut jantina dan kumpulan pendapatan?

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan rekod Sistem Permohonan Hartanah Negeri Selangor di LPHS permohonan Rumah Selangorku yang telah diterima mengikut pecahan jantina dan kumpulan pendapatan adalah seperti berikut :-

JENIS PROJEK RSKU	B40		M40	
	LELAKI	PREMPUAN	LELAKI	PREMPUAN
A	31,485	12,854	-	-
B	3,634	2,411	32	252
C	7,265	4,988	1,092	793
D	7,710	5,696	2,342	1,847
IDAMAN/ HARAPAN	3,079	2,506	2,625	2,016

- b) Apakah halangan yang dihadapi rakyat Selangor dari memiliki Rumah Selangorku dan Idaman?

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan stok unit yang ditawarkan mendapati alasan kegagalan pemilikan Rumah Selangorku dan Idaman adalah disebabkan oleh kesukaran mendapat pinjaman perumahan daripada institusi kewangan dan ketiadaan wang pendahuluan (deposit) yang mencukupi dalam membuat pembelian unit tersebut.

Walau bagaimanapun, faktor lokasi projek juga mempengaruhi permintaan daripada pemohon dimana terdapat permintaan yang tinggi di projek tertentu sahaja namun jumlah unit yang terhad berdasarkan lokasi yang dipohon menyebabkan penawaran tidak dapat dibuat melebihi permintaan daripada dipohon dikawasan tersebut.

